

LIBERALISME DALAM KONTEKS ASAS PEMBINAAN NEGARA MALAYSIA

Abd Aziz A'zmi
abdaziz@kuim.edu.my
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum sejak di awal kemerdekaannya hasil penjajahan British. Asas pembinaan negara ini dapat dilihat melalui penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 oleh Suruhanjaya Reid yang menerapkan elemen dan aplikasi prinsip-prinsip liberalisme. Walaubagaimanapun falsafah liberalisme tidak dipraktikkan seratus peratus seperti yang ditakrifkan oleh Barat. Amalan liberalisme dalam perlembagaan berjalan seiring dan dikawal oleh elemen agama Islam, kebebasan terhad dan nilai-nilai tempatan. Elemen kawalan berkenaan penting agar tidak menjadikan negara ini sebuah negara sekular dan terdedah kepada ekstremitisme liberal.

Kata kunci: *Liberalisme, kawalan, sekatan, Perlembagaan Persekutuan, Islam*

LIBERALISM FROM THE CONTEXT OF BUILDING FOUNDATION OF MALAYSIA

ABSTRACT

A multiculturalism country, Malaysia, was exist since the independence as a result from the British colonialisation. The foundation of this country can be seen from the formulation of Tanah Melayu Federal Constitution 1957 by Reid Commission with the injection of elements and application of liberalism principles. However, the liberalism philosophy is none to be implemented holistically as defined by the West. Liberalism practices are synchronized and controlled in line with the Islamic religious elements, limited freedom and local values as well. The control elements are significantly applied in order to avoid the country from being run administered as a secular state and liberal extremism.

Keywords: Liberalism, control, sanctions, the Federal Constitution, Islam

PENGENALAN

Para sarjana khususnya dari Barat banyak menulis dan menerbitkan artikel berunsurkan wacana ilmiah berkaitan liberalisme. Makalah berkenaan mengulas liberalisme merangkumi pelbagai disiplin dan cabang ilmu yang pastinya tidak menjadikan liberalisme dibahaskan dalam skop yang sempit dan jumud seperti hanya dikaitkan dengan agama semata-mata. Konsep liberalisme sebenarnya mempunyai konteks yang lebih luas dan boleh dibahagikan kepada asas-asas seperti *social-liberalism*, *economic-liberalism* dan *political-liberalism* (Mohamed Mustafa 2014). Liberalisme bermula di Eropah dan secara umumnya dikaitkan dengan falsafah libertarianisme (*liberty*) di Amerika Syarikat dan kedua-duanya membawa isu perjuangan kebebasan manusia. Namun jika dikaji dengan lebih mendalam terdapat perbezaan antara liberalisme dan libertarianisme (Wan Saiful, 2013). Perbahasan mengenai liberalisme oleh para sarjana dibahaskan secara akademik dari aspek ilmu politik, ekonomi, sosial, agama dan budaya seiring dengan perubahan dan perkembangan semasa.

Salah satu cabang liberalisme ialah liberalisme klasik yang memberi fokus terhadap hak dan kebebasan individu dalam aktiviti perekonomian dan sivil. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan karya penulisan tokoh-tokoh pendukung liberalisme klasik Barat seperti Adam Smith, David Ricardo, John Stuart Mill dan Jeremy Bentham (Agus, 2014) yang kebanyakannya menulis mengenai kedaulatan peribadi iaitu hak kebebasan manusia, hak peribadi dan hak memiliki harta tanpa wujud elemen campur tangan daripada pemerintah. Penghujahan liberalisme klasik lebih banyak menjurus kepada aktiviti perekonomian *laissez faire* ataupun sistem pasaran bebas kapitalisme yang mengangkat elemen meritokrasi dan kebebasan

para pemodal daripada kawalan pemerintah. Campur tangan kerajaan tidak dialukan kerana dikatakan akan merugikan atau meminimumkan keuntungan golongan pemodal – tidak seperti apa yang diharap dan dirancangkan. Malahan mereka berpendapat *interventionisme* merupakan dasar yang merosakkan mereka, tidak masuk akal dan mengarut (von Mises 2002). Penulisan ini tidak akan menyentuh lebih lanjut mengenai takrifan dan perbahasan mengenai liberalisme klasik mahupun dalam konteks liberalisme agama yang menjadi isu polemik di negara ini.

Fokus penulisan ini akan menumpu kepada prinsip-prinsip liberalisme yang diaplikasikan sebagai asas pembinaan negara-bangsa Tanah Melayu dan Malaysia suatu ketika dahulu. Seterusnya meneliti apakah prinsip-prinsip liberalisme yang sedang dipraktikkan di negara ini. Selain itu huraian lanjut akan melihat perkaitan antara liberalisme itu sendiri dengan proses penerimaan serta pembinaan persefahaman masyarakat dalam kerencaman budaya di Malaysia masa kini. Dalam erti kata lain, makalah ini cuba menjelaskan persoalan apakah hujah yang menyokong bahawa kedaulatan sebuah negara merdeka Tanah Melayu (seterusnya penubuhan Malaysia) dibina dengan asas ideologi liberalisme? Lalu, sejauh manakah implementasi prinsip-prinsip liberalisme diamalkan serta sumbangannya kepada kestabilan masyarakat majmuk di negara ini yang sentiasa dinamik dalam konteks kerencaman budaya?

PRINSIP LIBERALISME DAN ELEMEN KAWALAN

Liberalisme merupakan satu ideologi atau falsafah besar yang dinamik dan progresif dalam sistem politik dan ekonomi dunia. Dalam pengertian etimologi, liberalisme ialah falsafah politik yang memberi nilai kebebasan kepada individu serta tanggungjawab negara yang harus melindungi dan menjamin hak warganya. Manakala secara literal, liberalisme berkait rapat dengan pandangan luas iaitu merujuk kepada ideologi yang mementingkan kebebasan individu dari segi pegangan, tindakan dan mengeluarkan pendapat mengikut cara dan pilihan sendiri. Fahaman ini telah wujud dari Eropah pada kurun ke 18 yang menekankan kebebasan individu dalam soal seperti kebebasan bersuara, berpesatuan, berhimpun dan sebagainya (Chandra Muzaffar, 2014). Idea pokok liberalisme dikatakan bermula dari zaman Abrahamik dan Greek yang mempercayai wujud satu sistem peraturan sejagat yang mesti dipatuhi oleh semua manusia sama ada rakyat mahupun pemerintah (Wan Saiful, 2013). Peraturan sejagat ini diterjemahkan sebagai satu set undang-undang yang digubal oleh pihak yang dipertanggungjawabkan untuk membentuk *rule of law*. Konsep *rule of law* bertujuan mengawal dan menjamin hak kedua-dua pihak sama ada kumpulan pemerintah dan kumpulan yang diperintah.

Elemen kawalan dalam undang-undang antara kedua-dua kumpulan ini dikenali sebagai proses *check and balance* bagi menghalang wujudnya kediktatoran atau totalitarianisme dalam kalangan pemerintah (Wan Saiful, 2013). Sekiranya

pemerintah berkuasa penuh atau tanpa batas, konsep *rule of law* tidak mungkin terlaksana kerana pemerintahan dijalankan secara semberono berpandukan konsep *rule of men*. Maka, pemerintah perlu dikenakan kawalan agar tidak bersifat menindas dan zalim terhadap kumpulan yang diperintah. Hal ini menjelaskan bahawa pemerintah merupakan “kerajaan terhad” iaitu pemerintah yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan perlombagaan, bersesuaian dengan persetujuan bersama untuk bernaung di bawah satu set undang-undang yang telah digubal. Kerajaan terhad merupakan salah satu prinsip utama dalam falsafah liberalisme dan konsep ini harus sentiasa diangkat dalam mana-mana sistem pemerintahan kerajaan demokrasi. Kumpulan yang diperintah juga diberikan hak dan kebebasan berlandaskan peruntukan undang-undang. Kebebasan yang diberi dijamin dalam perlombagaan selaras dengan prinsip liberalisme yang mahukan manusia diberi ruang untuk bebas menjalankan tindakan. Walaubagaimanapun, kebebasan menurut perlombagaan bersifat terhad bagi mengawal kumpulan ini daripada bertindak melampaui batas sehingga melanggar norma sesebuah negara. Kewujudan peraturan yang bersifat mengawal ini merupakan konsep kedaulatan undang-undang yang juga menjadi salah satu prinsip utama falsafah liberalisme.

Ahli falsafah politik seperti Locke berpendapat, manusia sememangnya dilahirkan bebas namun berdasarkan idea *state of nature*, ia menjawab persoalan mengapa manusia dikatakan bebas tetapi masih ada sekatkan undang-undang. Hindes (2007) menyebut mengenai hujah Locke yang mengatakan bahawa kebebasan dan kesaksamaan dalam sesebuah negara merupakan hak semulajadi atau keadaan asal manusia (*human condition*) dan ia wujud sebelum penubuhan kerajaan. Idea *state of nature* menjelaskan, kumpulan yang diperintah bersetuju untuk membentuk *commonwealth*¹ dan bernaung di bawah peraturan yang mengawal mereka (*law of nature*). Persetujuan tersebut menyebabkan manusia yang pada awalnya bersifat bebas tetapi kemudiannya mesti akur dan patuh kepada undang-undang yang dicipta. Hal ini kerana kebebasan dan kesaksamaan yang diperuntukkan tidak boleh disalahguna sehingga mendatangkan keburukan kepada pihak lain dari aspek kehidupan, kesihatan, kebebasan individu dan hak pemilikan (Hindes, 2007). Locke menjelaskan, semua manusia bebas, merdeka dan mempunyai hak yang sama tetapi beliau tidak bermaksud bebas tanpa kawalan dan boleh melakukan apa sahaja yang disukai. Manusia bebas selagi tidak melanggar peruntukan undang-undang dan idea *state of nature* perlu difahami bahawa kebebasan manusia ialah kebebasan yang tertakluk dan dibenarkan oleh undang-undang (Thomas, 1995).

Hujah ini selari dan bersumberkan idea daripada para pemikir aliran liberalisme. Sebelum bermulanya pembinaan sesebuah negara, masyarakat di dalamnya berpendapat sukar untuk memelihara hak-hak semulajadi seperti nyawa,

¹ Merujuk kepada pembentukan sebuah negara dan kerajaan yang bebas merdeka dengan melaksanakan prinsip dan sistem pemerintahan demokrasi. Istilah *commonwealth* lebih sinonim dengan wilayah atau negara yang pernah menjadi jajahan British.

kebebasan dan harta tanpa kuasa daripada sebuah badan yang melindungi mereka. Maka, persetujuan dicapai apabila mereka menyerahkan hak mereka kepada satu badan yang dilantik dan berfungsi sebagai pemerintah yang diberi kuasa untuk melindungi dan mengekalkan hak semulajadi manusia. Seperti yang dihujahkan Locke, pemerintah atau kerajaan berkuasa menggubal undang-undang dan ia menjadi ‘sempadan penghalang’ kepada kebebasan semulajadi manusia (Hindes, 2007). Situasi ini menjadi titik permulaan wujudnya masyarakat politik yang terdiri daripada badan legislatif, eksekutif dan kehakiman² yang masing-masing diberi tanggungjawab berlandaskan perlembagaan (set undang-undang) yang dipersetujui untuk dipatuhi termasuklah pematuhan kepada larangan dan sekatan tertentu.

PENGGUBALAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN 1957

Pemerintahan sesebuah negara meletakkan undang-undang dan perlembagaannya sebagai perkara yang fundamental bagi melancarkan urusan pentadbiran dan penguatkuasaan. Konsep kedaulatan undang-undang yang merupakan sebahagian daripada prinsip liberalisme telah lama disuntik sebagai semangat kenegaraan warganegara Malaysia. Jelas, konsep kedaulatan undang-undang merupakan prinsip ke empat dalam Rukunegara yang digubal oleh Majlis Perundingan Negara (MPN) pada 1970 (Mardiana dan Hasnah, 2011) selepas berlakunya peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969. Hal ini memperlihatkan bahawa prinsip liberalisme merupakan salah satu elemen yang dijadikan asas dalam menegakkan sistem pemerintahan negara ini.

Mengimbas kembali sejarah awal kemerdekaan negara, Tunku Abdul Rahman dalam ucapan deklarasi kemerdekaan pernah menyebut bahawa negara ini akan kekal sebagai sebuah negara demokratik yang berteraskan prinsip kebebasan dan keadilan manakala peranan negara pula ialah menjaga kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat setiap masa (Wan Saiful, 2014). Ucapan Tunku Abdul Rahman secara tersirat menyatakan bahawa sistem pemerintahan Tanah Melayu selepas kemerdekaannya adalah berlandaskan falsafah liberalisme sepertimana yang telah digariskan oleh Suruhanjaya Reid yang bertanggungjawab menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Salah tanggapan bahawa suruhanjaya ini menggubal Perlembagaan Persekutuan mengikut acuan mereka adalah tidak benar. Pada tahun 1956 suruhanjaya ini telah meminta beberapa buah pertubuhan dan individu untuk mengemukakan memorandum mengenai pembentukan sebuah kerajaan demokrasi berparlimen, kedudukan raja-raja

² Badan eksekutif, legislatif dan kehakiman merupakan elemen dalam SIstem Pengasingan Kuasa iaitu tiga buah badan ini menjalankan fungsi tersendiri tanpa campur tangan daripada pihak lain. Sistem Pengasingan Kuasa termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai salah satu elemen utama sistem pemerintahan Malaysia. Rujuk Malaysia Kita, 2011. Ms 155.

Melayu, memilih ketua negara dalam kalangan sembilan orang raja-raja Melayu, kerakyatan dan kedudukan istimewa kaum Melayu dan kaum-kaum lain.³ Suara dan kemahuan rakyat diambil kira bagi menjadikan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan adalah serasi dan menepati kehendak, keadaan dan ciri-ciri utama masyarakat negara berkenaan. Antara lain, kontrak sosial walaupun tidak ditulis secara langsung mengenai “persetujuan antara kaum Melayu dan bukan Melayu” dalam isu pengiktirafan hak Melayu dan pemberian kerakyatan, namun Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Perkara 153 yang merujuk kepada hak istimewa Melayu dan Bumiputra dan Perkara 14 hingga Perkara 22 yang menyebut jenis dan syarat-syarat kewarganegaraan. Kontrak sosial merupakan persetujuan bersama masyarakat Tanah Melayu pada waktu itu dan secara tidak langsung isi kandungan yang dipersetujui dalam kotrak sosial dihantar sebagai memorandum untuk dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tindakan suruhanjaya tersebut yang meminta badan dan individu tertentu dari Tanah Melayu mengemukakan permintaan mereka sebelum dipertimbangkan untuk menggubal Perlembagaan Persekutuan adalah demi kebaikan dan kelangsungan generasi masa depan yang juga akan hidup dalam persekitaran yang rencam. Menjelang kemerdekaan kerencaman berjaya dikenalikan dengan melalui kontrak sosial antara kaum asal dengan kaum bukan asal. Persetujuan lisan ini kemudiannya diinstitusikan dalam perlembagaan yang bertujuan untuk kebaikan kedua-dua belah pihak (Badrul Azmier & Mujibu, 2012). Perkara ini juga bertepatan dengan hujah Rousseau yang banyak menghujahkan mengenai kontrak sosial. Beliau melihat, kontrak sosial merupakan konsep yang sering dilihat dalam sejarah pemikiran liberal. Beliau menekankan bahawa idea kontrak sosial ialah sesuatu yang semulajadi dan seseorang individu (atau kumpulannya) lebih mengetahui apa yang terbaik untuk dirinya. Begitu juga Montesquieu dalam bukunya *The Spirit of Law* menyatakan kerajaan yang paling serasi dengan alam (persekitaran) ialah kerajaan yang bersetuju dengan kehendak mereka yang ingin menjadikan permintaan mereka sah dalam perundangan. Setiap individu bersifat *self-interest* dan mereka tahu apakah kepentingan dan kemahuan yang mereka inginkan (Chau, 2009). Prinsip liberalism juga memberi kebebasan kepada individu untuk mengemukakan pandangan berdasarkan kehendak dan kepuasan maksimum mereka dan campur tangan kerajaan akan menyebabkan tahap kebebasan yang diinginkan akan terjejas.⁴ Kewujudan masyarakat atau kumpulan berkenaan ialah platform kepada individu untuk mencapai fungsi dan potensi sebenar mereka sebagai anggota masyarakat secara bebas – iaitu asas kepada liberalism (Chau, 2009).

³ Rujuk Malaysia Kita. 2011. ILBS. Ms 113.

⁴ Campur tangan kerajaan sememangnya wujud seperti yang diulas oleh Locke bagi menyekat kebebasan yang keterlaluan demi melindungi hak individu lain serta atas faktor keselamatan dan ketenteraman awam. Elemen sebenar Liberalisme dari aspek kebebasan tidak diterima dan kawalan mesti dikenakan.

KEBEbasAN DAN SEKATAN UNDANG-UNDANG

Pembentukan polisi dan penggubalan undang-undang di Malaysia adalah berdasarkan asas dan nilai yang sesuai, yang tidak bertentangan dengan agama maupun budaya masyarakat Malaysia yang rencam. Umum perlu mengakui bahawa prinsip-prinsip dalam liberalisme secara dasarnya adalah baik dan bersesuaian untuk dilaksanakan namun haruslah dengan kawalan dan batas yang signifikan seperti yang dijelaskan mengenai idea *state of nature*. Perlunya kawalan adalah bagi menghalang kebebasan mutlak atau yang bersifat melampau sehingga melanggar nilai agama⁵ dan adab ketimuran. Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak kebebasan kepada rakyat dari segi kebebasan bercakap, berhimpun dan berpesatuan.⁶ Perkara ini dijelaskan lagi secara terperinci dalam Fasal (1) (a) yang menyatakan tiap tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran. Fasal (1) (b) menyatakan semua warganegara adalah berhak berhimpun secara aman dan dengan tidak bersenjata. Manakala Fasal (1) (c) menyatakan semua warganegara adalah berhak menuju persatuan.⁷

Kebebasan yang diberikan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan merupakan prinsip yang terkandung dalam falsafah liberalisme dan satu fundamental bagi sebuah negara demokrasi. Walaubagaimanapun hak kebebasan ini disertakan dengan syarat yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk menyekat kebebasan tersebut sekiranya difikirkan perlu atau mustahak.⁸ Fasal (2), (3) dan (4) menjelaskan bahawa sekiranya kebebasan yang diberikan disalahgunakan sehingga mengancam keselamatan, mengganggu ketenteraman awam, menimbulkan fitnah, penghinaan terhadap mahkamah, perbuatan mengapi-apikan atau tidak menghormati sensitiviti masyarakat, maka kumpulan pemerintah secara *legal* boleh mengenakan sekatan kepada kumpulan yang diperintah. Ini merupakan elemen kawalan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan bagi menghalang penularan atau perjuangan prinsip liberalisme yang keterlaluan. Hal ini bertepatan dengan kenyataan yang menyebut bahawa liberalisme jika tidak dipantau mempunyai potensi untuk menjurus ke arah extremisme (Chandra Muzaffar, 2014). Manakala dalam satu kenyataan yang lain, terdapat pandangan yang agak keras dalam melihat kebebasan yang wujud bersama sekatan seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan negara. Walaupun dalam Perlembagaan Malaysia memperuntukkan kebebasan asasi kepada rakyat, namun ironinya hak-hak ini telah disekat kembali oleh pihak pemerintah melalui saluran perundangan (Rizal, 2012).

⁵ Tiada agama yang memberi kebebasan mutlak kepada penganutnya. Agama adalah ‘pengikat’ manusia kepada unsur ketuhanan, mempunyai batas, had dan sekatan supaya menjadi panduan mengawal tingkah laku manusia.

⁶ Rujuk buku Perlembagaan Persekutuan (hingga 20 Januari 2012). ILBS. 2012. Ms. 11.

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

Dalam falsafah liberalisme, walaupun elemen kebebasan dilihat sangat longgar namun falsafah ini turut memberi syarat iaitu masyarakat adalah bebas dan boleh melakukan apa yang mereka mahukan selagi tidak mendatangkan kesusahan atau keburukan kepada pihak lain. Secara prinsipnya sekiranya berlaku ancaman, kerajaan akan menggunakan legitimasinya untuk menggerakkan tindakan sekatan ke atas perbuatan yang melanggar hak individu lain demi menjaga dan melindungi pihak yang terancam (Chau, 2009). Kebebasan tidak boleh diamalkan secara keterlaluan sehingga mengancam orang lain kerana tindakan mengancam keselamatan pihak lain tidak merujuk kepada pengertian liberalisme yang sebenar (Mohamed Mustafa, 2014). Berdasarkan hujah-hujah tersebut, kembali kepada idea falsafah liberalisme, setiap individu bebas melakukan apa yang mereka inginkan dan mereka perlu bertanggungjawab atas segala tingkah laku dan tindakan yang mereka lakukan. Pemerintah sewajarnya tidak mencampuri urusan peribadi masyarakat namun pihak berkuasa boleh bertindak sekiranya seseorang individu melanggar hak atau menimbulkan gangguan terhadap individu lain (Wan Saiful, 2014).

Falsafah liberalisme sangat memberi kebebasan kepada manusia iaitu memberi kepercayaan sepenuhnya dengan anggapan manusia adalah rasional dan tidak akan menimbulkan masalah apabila menggunakan hak kebebasannya. Walaubagaimanapun, anggapan ini sering meleset kerana dilihat terlalu ideal dan sekadar bersifat teoritikal tanpa melihat persepektif sebenar tingkah laku manusia. Oleh yang demikian, kebebasan yang diberikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti yang diaplikasikan dalam Perlembagaan Persekutuan. Idea asal kebebasan dipraktikkan namun kerajaan menekankan pentingnya kawalan yang agak ketat dengan menggerakkan jentera penguatkuasa negara untuk sentiasa bersedia sekiranya berlaku pelanggaran prinsip kedaulatan undang-undang. Perhimpunan yang tidak mendapat permit akan dihalang dan disuraikan oleh pasukan keselamatan lebih-lebih lagi apabila berlaku provokasi dan akhirnya keadaan tidak terkawal sehingga boleh mencetuskan ancaman terhadap ketenteraman awam. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa siri demonstrasi di ibu negara seperti perhimpunan BERSIH⁹ yang telah dikategorikan sebagai perhimpunan haram kerana dilihat berisiko bertukar menjadi rusuhan dan keganasan. Pada 10 November 2007, 200 orang peserta perhimpunan BERSIH ditangkap polis atas dakwaan melakukan kesalahan¹⁰ dan menyertai perhimpunan haram (Rizal Hamdan, 2012). Masyarakat perlu mengkaji dan memahami

⁹ Merujuk kepada Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) yang merupakan gerakan massa bersifat ad-hoc yang terdiri daripada pelbagai NGO. Tujuan utama penubuhan BERSIH ialah mempromosikan beberapa perubahan dari segi ketulusan dan kebersihan dalam mengendalikan pilihan raya. Rujuk Hariszuan & Rizal Hamdan (pnyt.). 2012. *Politik Hak Asasi Manusia di Malaysia*. Wacana Baru Politik Malaysia. Petaling Jaya. SIRD.

¹⁰ Kesalahan yang dilakukan menyalahi Akta Polis 1967 dan lain-lain akta.

Perlembagaan supaya tidak sewenang-wenangnya menyalah tafsir erti hak kebebasan tanpa mengetahui bahawa kebebasan tersebut bersifat terhad dan bersyarat.

Sebagai sebuah negara bekas tanah jajahan British, Tanah Melayu sangat terdedah kepada pengaruh fahaman, sistem perundangan dan dasar-dasar British manakala Tunku Abdul Rahman pula dikenali sebagai tokoh yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang undang-undang dari Barat. Almarhum merupakan negarawan yang sebenarnya mengimplementasikan dasar pro Barat sebelum kemerdekaan dan semasa era pentadbirannya selepas mencapai kemerdekaan. Beliau mempunyai visi untuk mewujudkan masyarakat berbilang kaum yang bersatu padu tanpa perlu mengorbankan identiti asal kaum-kaum yang ada di negara ini. Aplikasi nilai dan prinsip liberalisme dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan satu usaha pemberian elemen kebebasan kepada rakyat namun ia diolah dengan mengikut kesesuaian dan keperluan. Maka perlu difahami bahawa penggubalan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sepenuhnya mengambil idea dan falsafah liberalisme Barat tetapi mengaplikasikannya kerana sebahagian prinsip falsafah ini dilihat sesuai untuk dilaksanakan dalam perekitaran masyarakat majmuk di negara ini.

ISLAM SEBAGAI NILAI TAMBAH¹¹ DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Salah tanggapan perlu dijelaskan iaitu walaupun Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menggunakan pakai prinsip liberalisme sebagai asas, terdapat nilai dan elemen Islam yang dimasukkan ke dalam Perlembagaan sebagai nilai tambah bagi mengelakkan negara ini diurus tadbir sebagai negara sekular.¹² Suruhanjaya Reid dan Jawatankuasa Kertas Putih telah bersetuju untuk memasukkan perkara yang berkaitan agama Islam atas permintaan daripada Parti Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman iaitu “Islam sebagai agama Persekutuan dan tidak menafikan hak penganut agama lain untuk mempraktikkan agama mereka” (Naser, 2011). Tidak wujud perkataan “sekular” dalam isi kadungan Perlembagaan negara, maka perjalanan pemerintahan negara sama sekali tidak boleh dan tidak mungkin berunsurkan kepada sekularisme kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan negara serta tidak sah untuk dilaksanakan. Perkara pokok yang perlu difahami ialah, benar negara ini menggunakan prinsip liberalisme sebagai wadah mengkonstruksi pembinaan negara tetapi ia tidak mencedok seratus peratus takrifan liberalisme Barat. Takrifan liberalisme dari Barat tidak bersesuaian

¹¹ Perlembagaan Persekutuan memartabatkan Perkara 3(1) iaitu Islam agama Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi. Peruntukan mengenai Islam adalah perkara yang pertama sekali disebutkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan diikrarkan oleh Yang Dipertuan Agong.

¹² Suruhanjaya Reid dan Jawatankuasa Kertas Putih menolak peruntukan “ia tidak menafikan ciri-ciri sekular negara ini” daripada dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Maka sekularisme tidak boleh dilaksanakan dalam pemerintahan negara ini.

malahan bercanggah dengan suasana dan budaya negara ini memandangkan Malaysia dihuni oleh majoriti masyarakat Melayu Islam dan kaum-kaum lain yang kuat mengamalkan tradisi dan nilai agama masing-masing serta adab sopan ketimuran. Pengaruh Islam dan adat istiadat Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan secara teknikalnya terjadi disebabkan faktor tradisi, iaitu Islam mempunyai penaruh besar dalam kebudayaan kaum Melayu di Malaysia dan wujud leih awal sebelum kedatangan penjajah Barat (Rizal, 2012). Berdasarkan hujah ini sekularisme tidak diterima untuk diimplementasikan dalam sistem politik tanah air.

Mengaplikasikan prinsip-prinsip liberalisme dalam Perlembagaan Persekutuan tidak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara liberal secara total. Walaupun ahli-ahli Suruhanjaya Reid majoritinya bukan beragama Islam tetapi tugas mereka adalah menggubal perlembagaan yang sesuai dan selari dengan ciri-ciri masyarakat dan negara Tanah Melayu, salah satunya ialah dengan memperuntukkan agama Islam sebagai agama Persekutuan. Parti Perikatan juga merupakan salah satu pihak yang turut sama menghantar memorandum dan mahukan agama Islam dan prinsipnya dimasukkan dalam Perlembagaan sebagai agama Persekutuan.¹³ Peruntukan ini tidak menjadikan Malaysia sebagai negara yang rigid mengamalkan Islam atau dilabel sebagai fundamentalis Islam oleh Barat kerana Perlembagaan Persekutuan juga memberikan kebebasan kepada pengikut agama lain untuk mengamalkan amalan dan upacara agama masing-masing tanpa gangguan dan sekatan. Perkara ini dinyatakan dalam Perkara 3(1) dan Perkara 11 – Kebebasan beragama yang memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang berhak menganut dan mengamalkan agamanya.¹⁴

Pengiktirafan amalan agama lain untuk dipraktikkan di mana-mana bahagian dalam Malaysia tidak menjadikan negara ini sebagai negara pluralisme kerana “Islam tidak sama dengan agama-agama lain” seperti yang diputuskan oleh Tun Ahmad Fairuz dalam kes Lina Joy di Mahkamah Persekutuan.¹⁵ Dalam suasana masyarakat majmuk di Malaysia, prinsip liberalisme dilihat memberi kebebasan kepada masyarakat untuk membuat pilihan dan bertindak mengikut kemahuannya. Namun seperti yang telah dijelaskan, kebebasan mengikut takrifan liberalisme sebenar adalah tidak wujud di negara ini kerana Perlembagaan Persekutuan telah digubal dengan mengambil langkah pencegahan dan elemen kawalan yang dirasakan perlu. Tambahan pula, penerapan elemen agama Islam menjadikan agama ini sebagai agama yang mestи dihormati dan disanjung dalam setiap urusan pemerintahan. Sebarang dasar dan undang-undang yang digubal mestilah tidak

¹³ Muhammad Naser Disa. 2011. Sepuluh salah tanggapan mengenai kedudukan Islam di Malaysia. Pembentangan Kertas Kerja Konvensyen Pemacuan Transformasi Sistem Perundangan Islam di Malaysia anjuran IKIM dan MAIS pada 5-6 April 2011.

¹⁴ Rujuk Buku Perlembagaan Persekutuan (sehingga 20 Januari 2012). 2012. ILBS

¹⁵ Op.cit

bercanggah dengan agama negara serta kerajaan yang memerintah wajib memelihara ketinggian agama ini.¹⁶

ACUAN SENDIRI: KERENCAMAN NILAI DAN BUDAYA TEMPATAN

Kebebasan yang ditawarkan dalam penubuhan sebuah negara merdeka dan demokratik mempunyai semangat liberalisme lalu diaplikasikan dalam Perlembagaan Persekutuan bersesuaian dengan keadaan dan ciri kemajmukan sebuah negara berbilang kaum. Kemajmukan dalam konteks Malaysia mengalami perubahan menjadi ideologi politik yang mana wujudnya perbezaan budaya yang pelbagai namun kesaksamaan adalah setara bagi setiap kaum (H.C Loo, 2012). Penerimaan dan pemahaman setiap kaum terhadap kaum yang lain amat penting bagi memastikan kestabilan politik dan keharmonian negara dapat dicapai. Walaubagaimanapun, kenyataan tersebut bukan mudah untuk terlaksana memandangkan ia merupakan satu cabaran yang perlu ditangani oleh kerajaan bagi menyatukan pelbagai kaum yang berbeza budaya, agama dan cara hidup menjadi satu masyarakat yang harmoni dalam persekitaran politik yang mencabar. Keharmonian yang ingin diwujudkan merupakan sasaran utama ke arah pembentukan sebuah negara bangsa yang berjaya. Asas pembinaan negara dengan mengaplikasikan idea-idea liberalisme iaitu dengan memberikan kebebasan kepada rakyat dalam kehidupan seharian menjadi indikator bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak menjadikan negara ini bersifat *monogenous* dan rigid dalam pembentukan identiti kebangsaan yang hanya bersandarkan kepada budaya satu kaum semata-mata. Hujah ini secara tak langsung menyokong hujah Kukathas (1998) bahawa liberalisme tidak mempunyai sebarang masalah dengan kemajmukan (*multiculturalism*).¹⁷ Menurutnya lagi, menurut pandangannya, liberalisme itu sendiri secara asasnya merupakan teori *multiculturalism*.

Liberalism juga mempunyai perkaitan dengan pluralism dan *multiculturalism* turut dikaitkan dengan pluralisme. Liberalism dikatakan merupakan respons daripada masyarakat moden yang yang mengiktiraf dan menghormati kepelbagaian moral, agama dan budaya. Respon masyarakat terhadap kepelbagaian ini ialah perlunya dapat menyesuaikan diri dan penerimaan dengan cara yang toleran. Situasi ini akan menwujudkan perpaduan sosial yang dapat dilihat daripada integrasi dan pengharmonian budaya harian dalam diri setiap individu dan kumpulan tertentu (Kaukathas, 1998). Amalan prinsip liberalisme yang diterapkan dalam perlembagaan secara tidak langsung merupakan satu keputusan yang seharusnya diterima sekiranya mengambil kira hujah Kaukathas tersebut kerana liberalisme adalah satu konsep yang amat rapat dengan *multiculturalism* iaitu satu keadaan yang wujud di negara ini.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Kaukathas, C. 1998. *Liberalism and Multiculturalism: The Politics of Indifference*. Political Theory. Vol. 26, No. 5. SAGE Publications. Pp. 686-699.

Perundangan negara pula tidak boleh bersumberkan daripada idea-idea dari falsafah liberalisme semata-mata. Prinsip asas liberalisme yang diaplikasikan dalam asas penubuhan negara harus disokong dan diimbangkan dengan prinsip dan nilai tempatan. Adalah penting untuk memperkuatkan idea liberalisme dengan tambahan idea lain yang tidak bercanggah dengan roh perlembagaan bagi mengelakkan pegangan yang keterlaluan kepada liberalisme membawa kepada ekstremisme (Chandra Muzaffar, 2014). Oleh yang demikian, pelaksanaan prinsip liberalisme adalah mengikut acuan kita sendiri, tidak mengketepikan unsur-unsur tempatan, nilai asia dan agama Islam serta budaya dan adab ketimuran yang menjadi pegangan kebanyakan masyarakat negara ini. Hal ini ber sesuaian dengan keadaan rencam budaya masyarakat yang berpegang teguh kepada nilai tradisi. Michael Walzer mencadangkan, terdapat perbezaan yang boleh dikenal pasti pada dua jenis liberalism. Pertama, beliau melabelkannya sebagai “Liberalism 1” iaitu menekankan konsep *neutral state* iaitu negara yang tidak memberi perhatian kepada elemen budaya dan agama tetapi memandang matlamat kebebasan individual, keselamatan fizikal, kebijakan dan keselamatan rakyatnya. Kedua, “Liberalism 2”, iaitu membentarkan negara terlibat dalam usaha mengembangkan bangsa tertentu, budaya atau agama serta menitikberatkan hak asasi rakyatnya sentiasa terjamin (Kukathas, 1998). Berdasarkan cadangan atau pendapat Walzer, negara ini boleh dikategorikan sebagai negara yang mengamalkan Liberalism 2 kerana memelihara identiti dan budaya setiap kaum yang berbeza¹⁸ dan setiap kaum diberikan hak kebebasan untuk mempraktikkan amalan budaya dan agama masing-masing seperti yang termaktub dalam perlembagaan.¹⁹ Dalam persekitaran rencam di Malaysia, liberalisme harus dipandang sebagai satu fahaman yang menerima dan meraikan kepelbagaiannya dalam suasana yang harmoni dan stabil. Toleransi dan penerimaan adalah dua perkara yang berbeza namun amat berkait rapat dan diperlukan bagi mewujudkan masyarakat yang aman makmur. Walaupun menjunjung nilai kebebasan, peruntukan dalam Perlembagaan tidak menjanjikan hak kebebasan mutlak dan perjuangan hak asasi manusia yang keterlaluan seperti yang dituntut oleh sesetengah pihak. Perjuangan hak asasi manusia seperti yang berlaku di Barat tidak boleh diimplementasikan di negara ini kerana ia ternyata bercanggah dengan budaya, adab, nilai agama dan sensitiviti masyarakat.

Apabila prinsip hak asasi manusia diangkat dan diperjuangkan secara ekstrem demi memenuhi tuntutan nafsu dan kebebasan mutlak individu, pelbagai isu mula menjadi polemik dalam kalangan masyarakat. Hak kebebasan melampau yang dituntut oleh sekumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sebagai contoh,

¹⁸ Bahasa, perayaan, upacara keagamaan, aliran sekolah, saluran siaran televisyen, tarian dan seni kebudayaan dan pelbagai lagi unsur yang dipelihara sebagai identiti kaum agar tidak pupus, juga disebabkan wujud kumpulan pendesak dan berkepentingan yang mahu ia dikekalkan.

¹⁹ Perkara 3 dan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Rujuk Buku Perlembagaan Persekutuan (sehingga 20 Januari 2012). 2012. ILBS.

Sisters in Islam (SIS) membuat tuntutan agar membenarkan umat Islam murtad atas dasar “kebebasan beragama”. NGO ini pernah menerbitkan artikel dengan tuntutan berkenaan dalam akhbar *The New Straits Times* keluaran 24 Julai 1999 dan *The Star* juga pada tarikh yang sama (Farid & Sakirah, 2012). Selain itu terdapat juga tuntutan kebebasan berkahwin sesama jantina, hak kepada golongan LGBT, hak persamaan gender secara melampau, hak sama rata antara agama dan pelbagai lagi tuntutan tidak munasabah yang bercanggah dengan prinsip moral, budaya dan keagamaan masyarakat negara ini khususnya penganut Islam. Hal ini bertentangan dengan perlombagaan yang telah menetapkan batasan terhadap amalan falsafah atau pemahaman liberalisme. Agama Islam yang merupakan agama Persekutuan perlu dihormati dan sebarang tuntutan yang melanggar hak agama dan penganut Islam adalah tidak dibenarkan. Perkara ini bersangkut-paut dengan perjuangan hak liberalisme ekstrem yang tidak peka dan prihatin mengenai sensitiviti beragama dan menuntut hak asasi manusia yang secara jelas melanggar fitrah manusia. Sekiranya masyarakat negara ini menganggap liberalisme sebagai nilai unggul dan tidak boleh dipersoalkan kerana terdapat elemen kebebasan maka ia adalah bercanggah sama sekali dengan nilai-nilai agama dan budaya yang diamalkan di negara ini (Chandra Muzaffar, 2014). Fenomena ini memperlihatkan bahawa wujud golongan yang terlampaui liberal yang mahukan pemerintahan negara dilaksanakan berdasarkan konsep dan idea sebenar liberalisme dari perspektif Barat. Fahaman ekstrem sebegini perlu ditolak kerana bertentangan dengan asas penubuhan negara yang bersederhana dalam mengaplikasikan prinsip liberalisme dalam Perlombagaan negara.

KESIMPULAN

Liberalisme merupakan falsafah besar yang mempunyai cabang pelbagai bidang termasuklah agama, ekonomi, budaya, politik dan sosial. Liberalisme pada masa kini dilihat sebagai satu kejadian dan masyarakat negara ini sering dimomokkan dengan liberalisme yang boleh merosakkan akidah akibat ketaksuhan kepada kebebasan yang melampau dalam agama. Namun dalam konteks Malaysia dan Perlombagaan, makalah ini inginkan masyarakat memahami dan cakna pengertian sebenar liberalisme dan tidak hanya melihat liberalisme dalam ruang lingkup yang sempit. Ringkasnya, liberalisme ialah falsafah yang menekankan prinsip kebebasan dan tanggungjawab individu, kedaulatan undang-undang, kerajaan terhad dan ekonomi pasaran terbuka.

Perlombagaan Persekutuan Malaysia yang dahulunya merupakan Perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 merupakan dokumen bertulis yang digubal dengan menerapkan prinsip-prinsip daripada falsafah liberalisme yang dicipta di Eropah pada abad ke 18. Falsafah ini menurut takrifan Barat memberikan kebebasan penuh kepada masyarakat tanpa campur tangan daripada pemerintah. Liberalisme menunaikan hak kebebasan kepada manusia sebebas mana yang

mereka inginkan selagi tidak menimbulkan ancaman dan gangguan terhadap pihak lain. Walaubagaimanapun takrifan ini tidak digunakan dalam perlembagaan negara kerana kebebasan yang keterlaluan akan menimbulkan masalah yang lebih besar, maka perlombagaan digubal berserta elemen kawalan dan sekatan yang bertujuan untuk memastikan praktik liberalisme tidak menjurus kepada ekstremisme. Selain itu dalam suasana kemajmukan di Malaysia, liberalisme juga membawa konsep meraikan dan terbuka dalam kepelbagaian sama ada kaum, budaya, agama, bahasa dan sebagainya. Penerimaan dan toleransi dalam masyarakat majmuk merupakan visi pemimpin terdahulu yang inginkan sebuah negara yang mempunyai rakyat bersatu padu walaupun berbeza latar belakang. Adalah lebih baik sekiranya rakyat tidak menolak sepenuhnya konsep liberalisme dan kesederhanaan. Sekiranya kita mendukung tema liberal iaitu untuk meraikan kepelbagaian ia akan lebih menguntungkan dalam usaha mencapai matlamat yang lebih besar iaitu kemajuan untuk semua kaum dan negara yang berdaya saing (Syarifah Syahirah, 2014).

BIODATA PENULIS PENULIS

Abd Aziz A'zmi telah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sains Politik) pada tahun 2011 di Universiti Sains Malaysia. Seterusnya telah melanjutkan pengajian peringkat sarjana Sains Sosial (Sains Politik) di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kajian bertajuk ***Ideologi dan Politik Alternatif Dalam Kalangan Generasi Muda.***

RUJUKAN

- _____. 2011. *Malaysia Kita*. Petaling Jaya: ILBS.
- _____. 2012. *Perlembagaan Persekutuan*. Petaling Jaya: ILBS.
- _____. 2014. Wasatiyyah tidak sama dengan liberalisme. *Bernama*. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/wasatiyyah-tidak-sama-dengan-liberalisme-1.335156>. [27 Julai 2015].
- _____. t.th. The state of nature. *Routledge*. <http://cw.routledge.com/textbooks/alevelphilosophy/data/AS/WhyShouldIBeGoverned/Stateofnature.pdf>. [9 November 2015].
- Agus Sutisna. 2014. Liberalisme lama dan baru: William Ebenstein great political thinker 1960.
- Academia. https://www.academia.edu/8845088/Liberalisme_Klasik_dan_Modern. [8 November 2015].
- Badrul Azmier Mohamed & Mujibu Abd Muis. 2012. Resipi sebuah bangsa yang bersatu. *Jurnal Pemikir*. Bil. 70: 43-77.
- Chau, R. 2009. Liberalism as a Political Philosophy. *Mannkal Economic Education Foundation*. <http://www.mannkal.org/downloads/scholars/liberalism.pdf>. [9 November 2015].
- Hariszuan & Rizal Hamdan (pnyt.). 2012. *Politik Hak Asasi Manusia di Malaysia. Wacana Baru Politik Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD.
- Hindes, B. 2007. Locke's state of nature. *History of the human sciences*. 20(3): 1-20.
- H.C Loo. 2012. Recentring Multiculturalism in Malaysia: Nationalist Encounters on-screen exchanges. *The Asian Conference on Arts and Humanities*, hlm. 341-354.
- Feinberg, J. Liberalism. t.th. Community and Tradition. *Tikkun*. 3(3): 38-41, 116-119.
- Kukathas, C. 1998. Liberalism and multiculturalism, the Politics of Indifference. *Political Theory*. 26(5): 686-699.
- Thomas, D.A.L. 1995. *Locke on Government*. Routledge: London.
- Von Mises, L. 2011. *Menemukan kembali Liberalisme*. Terj. Lela E. Madijah. Jakarta: Freedom Institute dan Friedrich & Naumann Stiftung.
- Mohamad Hafiz Nordin. Mengekang ekstremis liberalisme. *Utusan Online*. <http://www.utusan.com.my/renanca/mengekang-ekstremis-liberalisme-1.22459>. [8 November 2015].
- Mohd Farid Mohd Sharif & Noor Shakirah Mat Akhir. 2010. Antara feminism dan liberalisme. *Jurnal Pemikir*. Bil. 59: 123-135.
- Muhamad Naser Disa. 2011. Sepuluh salah tanggapan mengenai kedudukan islam di Malaysia. *Kertas kerja Konvensyen Pemacuan Transformasi Sistem Perundangan Islam di Malaysia*, hlm. 1-21.

- Raphael Cohen-Almagor & Marco Zambotti. t.th. Liberalism, tolerance and multiculturalism: The bounds of liberal intervention in affairs of minority cultures. 1-20.
- Wan Saiful Wan Jan. 2014. Mengingati Almarhum Tunku. *Mstar Online*. <http://www.mstar.com.my/kolumnis/2014/02/06/mengingati-almarhum-tunku/>. [27 Julai 2015].
- Wan Saiful Wan Jan. 2013. Memahami Liberalisme. *Mstar Online*. <http://www.mstar.com.my/kolumnis/2013/10/15/memahami-liberalisme/>. [27 Julai 2015].